



NAJIB Tun Razak ketika melancarkan logo Wanita Gemilang sempena Majlis Pelancaran Tahun Memperkasakan Wanita 2018 di Bangunan Perdana Putra kelmarin. Turut hadir Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Ahmad Zahid Hamidi (kiri) dan Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat Datuk Seri Rohani Abdul Karim. - BERNAMA

## TMW18: NGO wanita sambut baik

TANGAN yang menghayun buaian itu dikatakan boleh menggoncang dunia. Itulah dilambangkan seorang wanita sekalipun sekian lama golongan ini dikatakan selayaknya duduk di ceruk dapur, seakan-akan cuba melupuskan kehebatan mereka. Bagaimanapun, kedudukan wanita di Malaysia sudah melalui fasa peralihan yang membanggakan.

Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak juga mengakui rekod pencapaian wanita di negara ini telah menunjukkan pada tahap sangat baik. Bagaimanapun, Najib masih mahukan usaha untuk memperkasakan wanita diteruskan lagi dan kenyataan ini pastinya membuatkan rata-rata wanita di seluruh negara tersenyum serta bertambah semangat untuk terus berjuang dalam bidang masing-masing.

Ekoran itu, kata Najib, kerajaan beriltizam untuk memperkasakan peranan dan martabat wanita di negara ini agar terus berada pada tahap yang tinggi.

Beliau berkata demikian semasa berucap melancarkan logo dan menjenamakan Tahun



SITI HENDON CHIK

Memperkasakan Wanita 2018 (TMW18) dan laman sesawang [www.tmw18.gov.my](http://www.tmw18.gov.my) di Bangunan Perdana Putra di Putrajaya kemarin.

Wanita Gemilang dipilih sebagai slogan bagi TMW18 yang bertepatan dengan hasrat Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat untuk memastikan inklusiviti terhadap wanita, selain berdaya saing pada peringkat global.

Dengan kenyataan ini, rata-rata badan bukan kerajaan (NGO) berkaitan wanita menyifatkan kenyataan pemimpin nombor satu itu sebagai penghargaan ke atas seluruh wanita di negara ini dalam apa jua bidang yang diceburi.



DR. SHAMSHUBARIDAH RAMLEE

Pengarah Pusat Pembangunan Keusahawanan & EKS Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM-CESMED),

Prof. Datin Dr. Shamshubaridah Ramlee berkata,

di Malaysia telah ada agenda khusus untuk wanita sama ada dalam keanggotaan dalam

lembaga pengarah di syarikat korporat atau dalam bidang pendidikan serta bidang lain.

"Tetapi kali ini ia bakal menjadi agenda yang lebih besar untuk wanita kerana Malaysia menuju ke arah status negara maju yang tinggal hanya dua tahun sahaja lagi," katanya.

Tambahnya, dengan era Revolusi Industri 4.0, golongan ini menjadi *enabler* (penggerak) utama untuk mempengaruhi anak, suami, tenaga kerja, jiran serta komuniti.

"Sekarang ini di tempat kerja wanita memegang jawatan untuk mendorong kakitangannya, manakala di rumah wanita pula mendidik anak-anak," katanya.

Sementara itu, Presiden Kelab Wanita Perak, Wilayah Persekutuan dan Selangor (PLC), Datuk Siti Hendon Chik berkata, kenyataan perdana menteri itu sekali gus menyuntik semangat kaum wanita di negara ini untuk lebih cemerlang di masa akan datang.

"Sudah tiba masanya wanita diberikan kedudukan yang terbaik kerana kaum yang dianggap lemah ini bukan sahaja kuat bekerja malah amanah dan sangat menjaga tatasusila undang-undang," katanya.

Jelas Siti Hendon, wanita di negara ini sudah lama menunggu peluang ini kerana sehingga kini telah menunjukkan kebolehan yang sangat tinggi bagi mengisi kedudukan yang selayaknya. -

SHOLINA OSMAN